

## AGIHAN MODAL ZAKAT TERHADAP USAHAWAN TANI ASNAF: SATU TINJAUAN AWAL DI MALAYSIA

Sarah Dina Mohd Adnan<sup>a\*</sup>, Noorfazreen Mohd Aris<sup>b</sup>, Mariam Farhana Md Nasir<sup>c</sup>,  
Mohd Faizal P. Rameli<sup>d</sup>, Dziauddin Shariff<sup>e</sup>, Sharipah Amirah Hj Abas<sup>f</sup>

<sup>a,b,c,d,e,f</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka

<sup>a</sup>sarahdina@uitm.edu.my

<sup>b</sup>noor\_areen@uitm.edu.my

<sup>c</sup>mariamfarhana@uitm.edu.my

<sup>d</sup>faizal061@uitm.edu.my

<sup>e</sup>dziau646@uitm.edu.my

<sup>f</sup>sharipahamirah@gmail.com

\*Corresponding Author

### Article info

Received:  
12/03/2021  
Received in revised form:  
10/06/2021  
Accepted:  
12/06/2021  
Available online:  
15/06/2021

Keywords:  
kualiti hidup;  
modal;  
usahawan tani;  
asnaf;  
zakat

### Abstrak

Usahawan tani merupakan satu sektor terpenting dalam membangunkan ekonomi negara khususnya negara Malaysia. Ianya adalah kerana manusia fitrahnya memerlukan makanan demi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Individu yang sihat mampu melakukan ibadah dan meneruskan tanggungjawab kepada Allah, manusia dan alam sekitar. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan mengenai konsep keusahawanan tani secara umum, selain mengkaji program keusahawanan tani yang melibatkan golongan asnaf di Malaysia. Melalui tinjauan itu, pihak lembaga zakat negeri mencetus idea untuk memberi zakat melalui pemberian modal kepada asnaf agar para asnaf boleh menggunakan modal tersebut untuk memulakan hidup baru mereka sekaligus membawa kepada pembebasan dari tergelongnya dalam golongan asnaf pada masa mendatang. Namun, terdapat kajian yang menyatakan pembahagian modal telah diberikan kepada para asnaf dan angkanya juga boleh dilihat kian meningkat dari tahun ke tahun tetapi golongan asnaf yang keluar dari status tersebut tidak selari dengan jumlah agihan yang diberikan. Melalui kajian ini juga pengkaji menggunakan kajian kepustakaan (library research) dan sesi temubual kepada pegawai yang terlibat akan dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Melalui kajian ini, dapat dilihat juga faktor-faktor yang mendorong kepada kejayaan asnaf yang keluar dari status asnaf dan juga faktor yang memberi punca kepada kegagalan asnaf.

---

## ZAKAT CAPITAL DISTRIBUTION TO ASNAF AGROPRENEURS: AN EARLY SURVEY IN MALAYSIA

### *Abstract*

*Agropreneurs are one of the most important sectors in developing the country's economy, especially Malaysia. It is because humans naturally need food in order to survive and continue their lives. Healthy individuals are able to perform worship and continue their responsibilities to Allah, mankind and the environment. The objective of this study is to explain the concept of agropreneurship in general, besides studying agro- entrepreneurship programs involving asnaf groups in Malaysia. Through the survey, the state Zakat Institutions initiated the idea of giving zakat through the giving of capital to asnaf so that asnaf can use the capital to start their new lives and lead to the release of the asnaf and make them free from this asnaf group in the future. However, there are studies that state the distribution of capital has been given to the asnaf and the figures also be seen as increasing from year to year but the total of asnaf who exited the status is not in line with the amount of distribution given by the Zakat Institutions. Through this study, the study also used library research and interview sessions to the officers involved will be conducted to obtain accurate information. Through this study, it can also be seen the factors that lead to the success of asnaf that comes out from this asnaf status as well as the factors that cause to the failure of asnaf.*

*Keywords: Quality of life, capital, agropreneur, asnaf entrepreneur, zakat*

### **PENGENALAN**

Pertanian menjadi sektor terpenting dalam memenuhi keperluan makanan sesebuah negara. Malaysia telah memberi penekanan melalui pelaksanaan pelbagai dasar bagi menjamin keselamatan makanan negara seperti yang termaktub dalam kesemua dokumen Rancangan Malaya dan Rancangan Malaysia bagi setiap lima tahun (semenjak 1956), Dasar Pertanian Negara (DPN I hingga III), Dasar Jaminan Makanan (2008), Model Baru Ekonomi Malaysia (Sektor Pertanian) dan Dasar Agromakanan bagi tempoh 2011 hingga 2020 (Radin Firdaus, Chamhuri Siwar & Abdul Hamid Jaafar, 2015). Namun, menceburi bidang ini memerlukan ilmu, kepakaran dan modal. Justeru itu, terdapat usaha yang dijalankan oleh beberapa Majlis Agama Islam Negeri bagi melahirkan usahawan tani di kalangan asnaf. Usaha ini bukan sahaja menyahut seruan kerajaan tetapi dapat membantu golongan tersebut keluar dari kepompong kemiskinan.

Program keusahawanan bermatlamat membantu golongan asnaf meningkatkan pendapatan harian dan bulanan agar mereka mampu menyara keluarga dan untuk jangka masa panjang pula, mampu mengeluarkan zakat. Bantuan modal diberikan bertujuan untuk menjadi dana permulaan atau tambahan kepada aktiviti perniagaan yang telah sedia ada serta turut diberikan bimbingan sehingga menjadi seorang usahawan (Mohd Abd Wahab Fatoni & Adibah Hasanah, 2008). Manakala bantuan peralatan juga turut diberikan bagi membantu asnaf menjalankan aktiviti pertanian. Oleh itu, ingin dilihat sejauh manakah kemmampuan bagi golongan asnaf untuk memperkembangkan aktiviti pertanian atau perniagaan dari hasil tani merkeka. Kajian ini juga ingin melihat melalui pemberian modal dan aktiviti ini dapat membantu mereka keluar dari kelompok asnaf.

### **PENYATAAN MASALAH**

Menurut Unit Perancang Ekonomi (EPU), Malaysia sebagai sebuah negara membangun telah mengalami peningkatan dalam kualiti hidup sebanyak 11.9 mata pada tahun 2010 (EPU, 2012). Walaubagaimanapun dengan peningkatan tersebut adakah kualiti hidup golongan asnaf juga mengalami peningkatan kerana kajian kualiti hidup yang dijalankan adalah meliputi keseluruhan penduduk termasuk golongan berada dan sederhana. Penilaian khusus perlu diberi perhatian terhadap golongan ini bagi mengenalpasti tahap kualiti hidup mereka terutama asnaf yang terlibat dalam program pembangunan ekonomi supaya usaha yang lebih giat dilaksanakan untuk membantu mereka keluar dari kemiskinan.

Program keusahawanan bermatlamat membantu golongan asnaf meningkatkan pendapatan harian dan bulanan agar mereka mampu menyara keluarga dan untuk jangka masa panjang pula, mampu mengeluarkan zakat. Bantuan modal diberikan bertujuan untuk menjadi dana permulaan atau tambahan kepada aktiviti perniagaan yang telah sedia ada. Justeru itu, mampukah usahawan asnaf tersebut menggunakan dana yang diperoleh untuk memperkembangkan aktiviti perniagaan mereka sekaligus mengeluarkan mereka dari kemiskinan kerana jumlah agihan zakat dalam bentuk modal sentiasa meningkat setiap tahun tetapi jumlah asnaf yang telah berjaya keluar dari kemiskinan masih lagi kecil. Sebagai contoh negeri Selangor, seramai 1,022 asnaf telah menerima bantuan modal dan hanya 51 orang sahaja yang berjaya keluar dari status asnaf.

Program keusahawanan ini merupakan proses jangka panjang sebagai salah satu mekanisme pengagihan wang zakat kepada asnaf fakir dan miskin. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menggariskan pelaksanaan agihan wang zakat dengan cara mendidik, memberi ilmu, membimbing dan membangunkan asnaf zakat berdasarkan potensi yang ada pada mereka (Muhamed Izam Mohamed Yusof, 2011). Objektif kajian ialah mengkaji program keusahawanan tani yang dijalankan oleh Institusi-institusi zakat negeri. Pengumpulan data melalui temubual dengan pegawai yang terlibat untuk mendapatkan data serta maklumat. Temubual secara separa berstruktur dengan menggunakan protokol temubual. Soalan temubual akan dibina oleh penulis berdasarkan persoalan kajian. Kajian perpustakaan juga akan digunakan bagi memperoleh kajian lepas berkaitan konsep usahawan, usahawan tani, program usahawan asnaf, bentuk agihan zakat kepada usahawan asnaf. Data-data yang diperoleh daripada kemudiannya dianalisis dengan menggunakan pendekatan induktif, deduktif dan komparatif. Laporan berbentuk carta, jadual dan seumpamanya di gunakan bagi memudahkan analisa hasil dapatan

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Usahawan**

Usahawan atau dalam bahasa inggeris entrepreneur berasal daripada perkataan ‘usaha’. Menurut Kamus Dewan (2010), usaha ialah kegiatan untuk mempelopori sesuatu. Banfe (1991), menjelaskan usahawan sebagai orang yang sentiasa membuat perubahan, kreatif, sentiasa mencari peluang dan sentiasa memandang ke hadapan. Manakala David (1990) mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang melibatkan diri dalam kegiatan umum atau dikenali sebagai perniagaan sama ada menghasilkan, menjual, atau memperdagangkan sesuatu barang.

Nor Aishah Buang (2002) pula menjelaskan usahawan dari segi istilah ekonomi iaitu individu yang menggabungkan dan menggunakan faktor-faktor pengeluaran seperti tanah, buruh dan modal untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan serta mendapatkan keuntungan. Manakala dari segi istilah perdagangan pula, usahawan diertikan sebagai individu yang memiliki daya kreativiti dan inisiatif yang tinggi, berpandangan jauh serta mempunyai wawasan jangka panjang untuk mencipta kejayaan bagi dirinya dan masyarakat.

Secara umumnya, perbezaan antara usahawan dan bukan usahawan ialah kesediaan usahawan untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, mengambil risiko, kesungguhan untuk bekerja bagi membentuk dan membangunkan perniagaan, memaksimumkan potensi diri dan memanfaatkan peluang yang diperoleh.

### **Usahawan Asnaf**

Melahirkan usahawan di kalangan asnaf merupakan satu usaha oleh LZS bagi menangani masalah kemiskinan. LZS bukan sahaja memberikan asnaf fakir miskin pendapatan lumayan, malah mendidik mereka menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat (Lembaga Zakat Selangor, 2013). Terdapat banyak kajian telah dijalankan yang berkait rapat dengan faktor kegagalan dan kejayaan usahawan asnaf dalam bidang yang mereka ceburi antara Gosh & Kwan (1996), McClelland (1985), Mohd Abd Wahab Mohd Balwi et.al (2011), Azman Ab Rahman (2014), Mahyuddin Abu Bakar (2012), Hisyam Sabri & Zulkifli Hasan (2006), Isma Addi Jumbri & Mohamad Zahir Zainudin (2011).

Gosh & Kwan (1996) menyatakan faktor-faktor utama kejayaan usahawan SME adalah cabaran, pembangunan diri, kebebasan peribadi, peluang menggunakan pengetahuan dan pengalaman. Manakala McClelland (1985) pula menyatakan terdapat 13 ciri kompetensi keusahawanan iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitik beratkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap kerja, berorientasi kecekapan, kecekalan, membuat perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah secara kreatif, keyakinan diri, ketegasan, meyakinkan orang lain dan mampu menggunakan strategi pengaruh.

Mohd Abd Wahab Mohd Balwi et.al (2011) menjelaskan ilmu dan tahap pendidikan yang rendah seperti tidak dapat membaca, menulis dan mengira, sikap usahawan yang tidak bersungguh dalam menjalankan program merupakan masalah yang dihadapi dalam mengendalikan program usahawan selain dari faktor pemikiran yang tertutup, kesihatan, masalah keluarga dan lain-lain. Azman Ab Rahman (2014) mendapati masalah utama kegagalan bagi program yang dijalankan terhadap asnaf terbahagi kepada dua aspek. Pertama adalah dari pihak pengurusan yang melibatkan masalah pemantauan, kekurangan tenaga kerja, kepakaran. Kedua adalah dari pihak penerima asnaf yang melibatkan sikap, kemahiran dan pengetahuan penerima.

Begitu juga hasil dapatan kajian dari Mahyuddin Abu Bakar (2012) yang menyatakan perkara yang sama serta menambah bentuk agihan juga turut mempengaruhi kejayaan dan kegagalan tersebut. Begitu juga Hisham Sabri & Zulkifli Hasan (2006) perlu menekankan pemantauan semasa merekrut asnaf supaya pihak institusi zakat dapat mengenal pasti keadaan dan aliran kewangan syarikat asnaf. Bimbingan dalam aspek kewangan sangat penting supaya asnaf tahu cara menjalankan bisness serta mampu mengadakan pemasaran secara agresif.

Disamping itu, terdapat juga kajian yang mencadangkan bentuk penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh asnaf seperti meningkatkan jumlah tenaga pakar dalam aspek pengurusan dana. Pihak institusi zakat juga perlu mengambil khidmat nasihat dari pihak yang mempunyai kepakaran secara langsung dalam bidang tersebut (Muhammad Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi & Adibah Hasanah, 2008). Sebagai contoh bagi bidang pertanian, rujukan yang terbaik adalah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), penulis yang aktif dalam bidang ini serta usahawan-usahawan tani yang berjaya untuk berkongsi pengalaman yang mereka telah tempuhi.

Seterusnya aspek penting yang perlu ada bagi menjamin sesuatu program usahawan itu berkesan adalah bentuk latihan dan bimbingan. Sepertimana menurut Hisham Sabri & Zulkifli Hasan (2006), sesuatu latihan yang diberikan mesti memberi impak yang berguna dan dilakukan kepada generasi yang berminat mengikutnya secara serius agar berlaku perubahan yang baik melalui penajaan zakat. Kemudian, Muhammad Ali Hashim (2003) pula mengenengahkan ilmu-ilmu tertentu kepada usahawan yang berminat dalam kerjaya tersebut antaranya ilmu dalaman seperti teknik dan operasi pengeluaran, ilmu teknikal, ilmu dan teknologi organisasi, ilmu penghayatan Islam dan ilmu mengenali serta menangani faktor luaran. Barjoyai Bardai (2000), mendapati ketidakberkesanan program latihan usahawan berlaku kerana skop latihan yang terlalu luas yang menyebabkan program tersebut di laksanakan secara 'ala kadar'. Jadi beliau mencadangkan agar liputan program, isi kandungan dan kesinambungan sesuatu program perlu diperbaiki.

Isma Addi Jumbri & Mohamad Zahir Zainudin (2011) telah mencadangkan Model Pembangunan Usahawan Asnaf (MAPUA). Model ini menekankan konsep 5P iaitu pendedahan, pendidikan, perlaksanaan, pemasaran dan pemantauan. Kajian beliau mendapati penglibatan dan minat golongan asnaf sangat penting bagi memastikan keberkesanan program. Oleh itu jelas menunjukkan elemen yang paling mempengaruhi terhadap keberkesanan sesuatu program adalah minat selain dari faktor latihan dan bimbingan yang mantap.

Selain dari faktor minat, terdapat juga kajian yang menekankan bentuk bantuan modal terhadap kejayaan usahawan asnaf (Hasman et.al, 2011; Mohd Hassan Mohd Osman, 2007; Raudha Md Ramli et.al, 2011). Patmawati Ibrahim (2008) pula mencadangkan pelan bersepadu terhadap asnaf zakat iaitu dengan mengkaji semula bentuk dan jumlah agihan zakat yang diberi. Jumlah agihan perlu mengambil kira

jangka pendek sebagai memenuhi keperluan asas dan jangka panjang bagi sumber pendapatan pada masa akan datang.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kualitatif iaitu temubual dengan majlis agama Islam dan institut zakat negeri akan dilakukan untuk mendapatkan data serta maklumat. Temubual secara separa berstruktur dengan menggunakan protokol temubual. Soalan temubual akan dibina oleh pengkaji berdasarkan persoalan kajian.

Kajian perpustakaan juga akan digunakan bagi memperoleh kajian lepas berkaitan konsep usahawan, usahawan tani, program usahawan asnaf, konsep kualiti hidup dan masalah serta cabaran yang dihadapi oleh usahawan asnaf. Data-data yang diperoleh daripada majlis agama Islam dan institut zakat negeri yang menawarkan program keusahawanan tani yang melibatkan golongan asnaf bagi setiap negeri yang terlibat. Data tersebut kemudiannya dianalisis dengan menggunakan pendekatan induktif, deduktif dan komparatif. Laporan berbentuk carta, jadual dan seumpamanya di gunakan bagi memudahkan analisa hasil dapatan

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil kajian dan perbincangan mendapati semua unit agihan zakat majlis agama Islam setiap negeri telah memperuntukkan sebilangan jumlah zakat kepada golongan asnaf yang berminat mengikuti program keusahawanan tani. Namun, tidak semua negeri menawarkan program khusus bagi membantu golongan tersebut. Selain daripada menawarkan program-program pertanian yang melibatkan asnaf, hampir semua institusi zakat Malaysia telah menawarkan beberapa bentuk bantuan lain seperti bantuan kewangan, bantuan persekolahan dan IPT, bantuan perubatan, bantuan sewa rumah, bantuan makanan, bantuan bencana alam, bantuan hutang dan bantuan Ramadhan dan Aidilfitri. Tidak semua negeri terlibat dalam memberi bantuan seperti yang dinyatakan, kecuali bantuan seperti kewangan, sekolah dan IPT serta bantuan perubatan.

Dalam menjayakan program keusahawanan tani asnaf, terdapat beberapa majlis negeri yang terlibat telah sama-sama membantu menghulurkan zakat. Antara negeri yang mempunyai program khusus keusahawanan tani asnaf di Malaysia ialah Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kelantan. Seperti yang telah dinyatakan, program keusahawanan ini bermatlamat membantu golongan asnaf tersebut meningkatkan pendapatan harian dan bulanan agar mereka mampu menyara keluarga sekaligus mampu untuk membayar zakat dalam jangka masa panjang. Dana yang diberikan merupakan satu bentuk bantuan modal permulaan kepada aktiviti pertanian atau perniagaan yang dijalankan asnaf tersebut.

Sebagai contoh, Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah memperuntukkan modal berbentuk elauan RM1000 sebulan kepada golongan asnaf yang berminat dalam program keusahawanan yang diperkenalkan kerajaan Pulau Pinang. Program penanaman nenas merupakan program khusus pemerkasaan ekonomi yang dilakukan kerajaan dengan kerjasama ZPP dalam membantu golongan asnaf yang berminat dengan program tersebut. ZPP juga bertanggungjawab membantu mengeluarkan zakat sewa rumah kepada asnaf yang terlibat. Dianggarkan terdapat lebih kurang 12 ribu golongan asnaf di sekitar Pulau Pinang. Pada tahun 2019, ZPP telah mengeluarkan sebanyak RM36 ribu dalam mengagihkan pelbagai jenis bantuan kepada golongan asnaf yang memerlukan. Jumlah agihan itu semakin meningkat menjadi RM45 ribu pada tahun 2020, dimana faktor penularan pandemik Covid 19 menjadi antara faktor utama peningkatan jumlah agihan itu.

Majlis Agama dan Istiadat Perlis (MAIPs) merupakan antara salah satu negeri yang telah berjaya melaksanakan program keusahawanan asnaf di Taman Desa Asnaf yang terletak di Chuping, Perlis. Program yang dinamakan sebagai Model Pembangunan Insan ini merupakan satu program yang dijalankan oleh majlis agama negeri untuk membantu asnaf fakir miskin negeri Perlis dalam kelangsungan hidup. Terdapat 20 orang golongan asnaf telah dibantu melalui program ini sejak tahun 2014. Pihak MAIPs turut membantu dalam mengagihkan zakat kepada golongan ini dalam mengurus program keusahawanan ini. Antara bentuk bantuan yang diberikan ialah golongan asnaf yang berjaya

mengikuti program ini diberi elaun RM1500 dalam urusan *clear* tanah, selain modal untuk mendapatkan 1000 polibeg bagi anak pokok *rockmelon*. Golongan ini juga dibantu dari segi tempat tinggal dan program yang berkaitan untuk mengikuti latihan bagi menjaga *rockmelon* tersebut. Golongan anak-anak asnaf ini pula diberi bantuan seperti kelas tuisyen secara percuma, selain bantuan persekolahan dan zakat.

Program kemasyarakatan bantuan asnaf turut dilaksanakan di negeri Kelantan. Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan program bantuan asnaf yang dinamakan sebagai Pelan Pembangunan Insan, yang dilaksanakan di Pasir Puteh, Kelantan. Tempat tersebut bermula sebagai Taman Desa Asnaf, sebelum ditukar kepada Desa Alam Shah sekitar tahun 2017. Program yang menempatkan kira-kira 30 orang ahli asnaf ini telah melakukan kegiatan pertanian utama iaitu tanaman cili, selain turut menanam jagung sebagai tanaman sampingan. Para asnaf yang terlibat diberi pelbagai bentuk bantuan dan zakat, bagi membantu mereka untuk kelangsungan hidup. Bantuan yang diberikan tidak hanya kepada asnaf terbabit, bahkan golongan isteri asnaf juga diberi bantuan kemahiran asas, seperti bengkel memasak, bengkel menjahit dan diajar cara perniagaan online, agar golongan para isteri asnaf ini turut membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Golongan anak-anak asnaf ini pula diberi bantuan seperti kelas tuisyen secara percuma, selain bantuan persekolahan dan zakat sama seperti di Perlis.

NEGERI	MAJLIS AGAMA	PROGRAM KHUSUS	TAHUN	JENIS TANAMAN	JUMLAH ASNAF
Perak	Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk)	Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER-A)	2019	Cili Fertigasi	20
Pulau Pinang	Zakat Pulau Pinang (ZPP)	Program Pemerkasaan Ekonomi (Tanaman Nenas)	2020	Nenas	6
Perlis	Majlis Agama & Istiadat Perlis	Model Pembangunan Insan, Taman Desa Asnaf	2014	<i>Rockmelon</i>	20
Kelantan	Majlis Agama Islam & Istiadat Adat Melayu Kelantan (MAIK)	Pelan Pembangunan Insan, Desa Alam Shah	2017	Cili Jagung	30

**Jadual 1:** Program khusus keusahawanan tani oleh golongan asnaf mengikut negeri

Walaupun program keusahawanan tani yang melibatkan golongan asnaf ini telah dijalankan dalam tempoh beberapa tahun, namun tidak ramai daripada golongan ini yang berjaya keluar daripada golongan asnaf. Sikap suka buat kerja separuh jalan dan tidak bersemangat, menjadi antara faktor utama program ini masih kurang berjaya. Dalam masa yang sama, terdapat segelintir para asnaf yang terlalu mengharap bantuan zakat daripada kerajaan negeri, tanpa berusaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Antara faktor yang boleh mendorong kepada kejayaan program keusahawanan ini adalah seperti mempunyai sikap yang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara, mempunyai sikap sentiasa ingin memperbaharui taraf hidup, selain sentiasa bijak untuk mencari peluang dalam mendapatkan kehidupan yang lebih baik.

## KESIMPULAN

Islam sentiasa menggesa umatnya untuk terus berusaha bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki demi meneruskan kelangsungan yang selesa sekaligus dapat menjamin ibadah yang berkualiti kepadaNya. Seperti yang sedia maklum, zakat merupakan satu agihan wajib bagi semua umat Islam yang juga

merupakan salah satu dari rukun Islam yang telah ditetapkan syariatNya. Maka telah menjadi tanggungjawab kita untuk melunaskan ibadah wajib tersebut mengikut syariat yang telah ditetapkan. Manakala bagi golongan penerima pula iaitu asnaf, kita perlulah sentiasa bersyukur di atas rezeki yang telah Allah tetapkan kepada kita. Disamping berusaha keras untuk melakukan sesuatu yang boleh merubah kehidupan kita sebaiknya. Ia juga sejajar dengan firman Allah SWT bermaksud:

*Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.*

(Surah Ar-Ra'd: ayat 11)

Menerusi ayat ini, jelas menunjukkan bahawa Allah SWT telah menyeru manusia untuk sentiasa berusaha merubah keadaan diri kita kepada keadaan yang lebih baik dari yang sebelumnya. Seperti daripada kategori asnaf sebagai penerima zakat kepada golongan pembayar asnaf yang mampu untuk membantu orang lain.

## PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiayai sepenuhnya kajian ini dibawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kod Penyelidikan: FRGS/1/2019/SS08/UITM/03/3

## RUJUKAN

- Azman Ab Rahman et.al. (2014). "Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah". Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014 pada 4-5 March 2014, Kuala Lumpur.
- Banfe, C. (1991). *Entrepreneur From Zero to Hero*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Barjoyai Bardai. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan – Bahagian 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- David, R. (1990). *The Naked Entrepreneur*. London: Kogan.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=usaha>. Diakses pada 30 Oktober 2014.
- Gosh B.C., & Kwan, W. (1996). An Analysis of Key Success Factors of SMEs: A Comparative Study of Singapore/Malaysia and Australia/New Zealand. <http://sbaer.uca.edu/research/icsb/1996/09.pdf>. Diakses pada 9 Disember 2014.
- Hasman Abdul Manan et.al. (2011). "An Appraisal by Its Entrepreneurial Asnaf (Usahawan Asnaf) on Lembaga Zakat Selangor's Role in Ensuring Business Success. *IEEE Colloquium on Humanities, Science and Engineering (CHUSER 2011)* on 5-6 December 2011 at Penang.
- Hisham Sabri & Zulkifli Hasan. (2006). "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan". *Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam* pada 8-9 Ogos 2006. Anjuran Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Isma Addi Jumbri & Mohamad Zahir Zainudin. (2011). *Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir Dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor*. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 4 (2), pp. 41-56.
- Lembaga Zakat Selangor. (2013). *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2012*. Selangor: Lembaga Zakat Selangor.
- Mahyuddin Abu Bakar. (2012). "Hubungan Antara Agihan Zakat Dan Kualiti Hidup Asnaf Fakir Dan Miskin". Tesis PhD Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.

- Mohamed Izam Mohamed Yusof. (2011). "Dana Zakat: Instrumen Pembasmi Kemiskinan Asnaf". Persidangan Zakat Serantau pada 28 Mac, 2011 di Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi & Adibah Hasanah Abd Halim. (2008). Mobilisasi Zakat dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan. *Jurnal Syariah*. 16(Keluaran Khas 2008), p.p. 567-584.
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi et.al. (2011). "Pembangunan Usahawan Asnaf Melalui Bantuan Dana dan Latihan Lembaga Zaka t Selangor: Satu Sorotan" Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan. [http://www.e-muamalat.gov.my/sites/default/files/kertas\\_persidangan/2011/06/pembangunan\\_usahawan\\_asnaf\\_melalui\\_bantuan\\_dana\\_dan\\_latihan.pdf](http://www.e-muamalat.gov.my/sites/default/files/kertas_persidangan/2011/06/pembangunan_usahawan_asnaf_melalui_bantuan_dana_dan_latihan.pdf). Diakses pada 2 Oktober 2014.
- Mohd Hassan Mohd. Osman. (2007). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Kredit Mikro Di Negeri Johor". Laporan Akhir Penyelidikan. Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Ali Hashim. (2003). *Bisnes Satu Cabang Jihad*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nor Aishah Buang. (2002). *Asas Keusahawanan*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Patmawati Ibrahim. (2008). "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal". *Jurnal Syariah*. 16(2), p.p.223-244.
- Radin Firdaus R.B., Chamhuri Siwar & Abdul Hamid Jaafar (2015). "Pasca Krisis Makanan 2008: Implikasi Penggantungan Terhadap Beras Import". *Jurnal Kemanusiaan*, 24(3), pp. 28 - 39
- Raudha Md. Ramli et.al. (2011). "Understanding asnaf attitude: Malaysia's Experience in Quest for an Effective Zakat Distribution Programme". *International Zakat Conference: Sustainable Zakat Development in the Poverty Alleviation and Improvement of Welfare of the Ummah*. 2011.
- EPU (2012). *Kualiti Hidup Malaysia 2011*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi (EPU).
- McClelland, D.C. (1985). *Human Motivation*. New York: Cambridge University Press.